

KE ARAH WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

Suria Rismawati Sanwari

Pensyarah Ekonomi

Jabatan Teknoperniagaan

Fakulti Pengajian Teknokorporat,

Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur

24 Januari 2020

Tahun 2020 merupakan satu angka yang sangat sinonim dengan rakyat Malaysia. Seawal tahun 1991, masyarakat telah diperkenalkan oleh satu wawasan yang bakal membawa Malaysia menuju kepada satu negara maju menerusi Wawasan 2020. Wawasan 2020 merupakan satu gagasan yang diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 28 Februari 1991 dimana matlamat utama wawasan ini adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara industri yang maju berpandukan acuan sendiri agar setanding dengan negara maju di dunia (Ishak Saat, 2009). Pelbagai usaha telah dilakukan kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut bermula dari pelaksanaan Dasar Perpaduan Nasional (DPN) (1991-2000), Dasar Wawasan Negara (DWN) (2001-2010) dan seterusnya Model Ekonomi Baru (MEB) (2011- 2020), walaubagaimanapun status negara maju ternyata masih jauh lagi untuk dicapai. Wawasan 2020 telah diistiharkan gagal dicapai oleh kepimpinan sebelum ini.

Walaupun begitu, Malaysia masih tidak berputus asa untuk mencapai negara maju. Usaha negara diteruskan menerusi pelancaran Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang diperkenalkan pada Oktober 2019. WKB 2030 merupakan iltizam untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Matlamat utama WKB 2030 adalah untuk menjadikan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030 (Malaysia, 2019). Secara spesifiknya, terdapat tiga (3) objektif yang difokuskan dalam WKB 2030 iaitu:-

1) Pembangunan Untuk Semua

Menstruktur semula ekonomi ke arah yang lebih progresif berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat.

2) Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan

Menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah dan rangkaian bekalan untuk membela dan meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan.

3) Negara Bersatu, Makmur dan Bermaruah

Menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

Bagi mencapai tiga objektif utama tersebut, WKB 2030 menggariskan 7 teras strategik yang telah digariskan dalam WKB 2030 yang meliputi penstrukturan dan penambahbaikan ekosistem perniagaan dan industri negara; meneliti dan mempelopori sektor pertumbuhan baharu; reformasi bakat dan sumber tenaga negara; memperbaiki pasaran buruh dan pendapatan pekerja.; memperkukuhkan kesejahteraan Sosial; pembangunan wilayah yang inklusif; dan peningkatan modal sosial masyarakat. Disamping 7 teras strategik ini, WKB juga menetapkan 8 pemboleh daya yang meliputi kemampunan fiskal, modal kewangan, keberkesanan penyampaian institusi, tadbir urus dan integriti, pendidikan dan TVET, data raya, kelestarian dan masyarakat berpencerahan.

Dalam memastikan pelaksanaan WKB 2030 ini berjaya mencapai objektif dan matlamat yang ditetapkan, pelbagai cabaran perlu dihadapi dan ditangani oleh kerajaan Malaysia pada peringkat domestik dan global. Keadaan ekonomi domestik dan global dijangka akan lebih mencabar dan tidak menentu pada masa akan datang. Isu-isu domestik seperti perpaduan kaum, ketidaktentuan landskap politik, ancaman gerakan pengganas dan sebagainya haruslah ditangani dengan bijak. Tidak ketinggalan juga dengan isu-isu global yang melibatkan agama, politik,

ekonomi, dan juga alam sekitar dengan negara lain kerana sebagai negara perdagangan, Malaysia bergantung kepada hubungan dagang dan ekonomi dengan negara-negara lain diseluruh dunia (Harian Metro, 2019)

Walau apapun cabaran yang bakal dihadapi oleh Malaysia dan merealisasikan wawasan ini, apa yang disasarkan dalam wawasan baru ini hanya boleh tercapai dengan usaha yang gigih dari sekarang. Peluang-peluang ekonomi yang ada pada hari ini seharusnya dimanfaatkan bersama oleh seluruh rakyat Malaysia. Dengan kepesatan teknologi yang drastik pada hari ini, banyak peluang-peluang ekonomi yang boleh dimanfaatkan oleh semua rakyat Malaysia khususnya bagi golongan peniaga dan usahawan bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan kepada negara. Hal ini sudah tentu dapat memacu kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat serta membawa Malaysia mencapai status negara maju yang berpendapatan tinggi seperti yang diimpikan sejak Wawasan 2020 lagi.

Rujukan

Fareez Azman. (2020, 01 01). Kejayaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 perlu disambut rakyat - Tun Mahathir. Retrieved 1 16, 2020, from Astro Awani:

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kejayaan-wawasan-kemakmuran-bersama-2030-perlu-disambut-rakyat-tun-mahathir-226882>

Ishak Saat (2009). Malaysia 1945 - 2000. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Jomo K. S. (2010). Warisan Ekonomi Mahathir. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Harian Metro. (2019, 12 23). <https://www.pressreader.com/>. Retrieved 1 16, 2020, from pressreader:

<https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20191223/281784220998062>

Malaysia. (2019). Ringkasan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Malaysia. (2019). Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Kuala Lumpur:

Attin Press Sdn. Bhd.